



14 Mac 2019
14 March 2019
P.U. (A) 79

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN
KELAHIRAN DAN KEMATIAN
(PENGGOMPAUNAN KESALAHAN) 2019

*BIRTHS AND DEATHS REGISTRATION
(COMPOUNDING OF OFFENCES) RULES 2019*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN 1957

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN
(PENGKOMPANAN KESALAHAN) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 38(1) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [*Akta 299*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Pengkompunan Kesalahan) 2019**.

Kesalahan yang boleh dikompun

2. (1) Kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompun.

(2) Kesalahan yang disebut dalam subkaedah (1) boleh dikompun dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya dalam Borang 1 Jadual Kedua.

Tawaran dan penyetujuteraan kompaun

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompun suatu kesalahan yang disebut dalam subkaedah 2(1) hendaklah dibuat dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(2) Seseorang yang menyetujui terima tawaran untuk mengkompun kesalahan yang disebut dalam subkaedah 2(1) hendaklah menyetujui terima tawaran itu dalam Borang 3 Jadual Kedua.

Cara mengkompun

4. (1) Setelah penyiasatan dijalankan dan didapati bahawa suatu kesalahan yang boleh dikompun disebut dalam subkaedah 2(1) telah dilakukan, Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftar boleh mengeluarkan suatu tawaran untuk mengkompun kesalahan itu dalam Borang 2 Jadual Kedua kepada orang yang melakukan kesalahan itu.

(2) Tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan di bawah subkaedah (1) adalah sah bagi tempoh empat belas hari, dan jika pembayaran penuh bagi jumlah yang ditawarkan itu dibuat dalam tempoh empat belas hari itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang yang disebut dalam subkaedah (1).

(3) Jika tiada pembayaran bagi kompaun yang telah ditawarkan itu dibuat dalam tempoh yang dinyatakan dalam subkaedah (2), pendakwaan boleh dimulakan terhadap orang yang disebut dalam subkaedah (1) tanpa notis selanjutnya.

Pembayaran kompaun

5. (1) Jika suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan di bawah subkaedah 4(1) disetujui terima oleh orang yang kepadanya tawaran itu dibuat, dia boleh membayar kompaun itu—

- (a) secara tunai dan diserahkan sendiri ke Jabatan Pendaftaran Negara atau mana-mana cawangan yang ditentukan oleh Pendaftar Besar;
- (b) melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank yang kena dibayar kepada Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftar dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”; atau
- (c) melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik.

(2) Jika pembayaran dibuat mengikut perenggan (1)(b), kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank itu hendaklah diserahkan sendiri kepada Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftar atau dihantar melalui pos berdaftar ke alamat yang dinyatakan dalam Borang 2 Jadual Kedua.

(3) Apabila pembayaran yang dibuat mengikut subkaedah (1) diterima, Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftar hendaklah mengeluarkan satu resit bagi pembayaran itu kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dibuat.

(4) Suatu resit rasmi yang dikeluarkan di bawah subkaedah (3) hendaklah termasuk apa-apa resit elektronik yang dikeluarkan jika pembayaran dibuat melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1)(c).

JADUAL PERTAMA

[Subkaedah 2(1)]

KESALAHAN YANG BOLEH DIKOMPAUN

Kesalahan yang boleh dikompaun ialah kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan Akta seperti yang berikut:

1. subseksyen 28(3);
2. perenggan 34(a);
3. perenggan 34(b);
4. perenggan 35(a);
5. perenggan 35(b);
6. perenggan 35(c);
7. perenggan 35(d);
8. perenggan 35(e); dan
9. perenggan 35(f).

JADUAL KEDUA

[Subkaedah 2(2)]

BORANG 1

AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN 1957

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN
(PENKOMPANAN KESALAHAN) 2019

KEIZINAN UNTUK MENKOMPAN KESALAHAN

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 38(2) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [*Akta 299*] dan subseksyen 376(3) Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*], saya,(*nama*) dengan ini memberi keizinan untuk mengkompau.....(*nama orang yang tawaran kepadanya tawaran kompaun itu dibuat*)bagi kesalahan yang dilakukan di bawah yang dikatakan dilakukan pada(*tarikh*)..... di.....(*tempat*).....

Bertarikh.....hari bulan.....,20.....

.....
Pendakwa Raya/
Timbalan Pendakwa Raya

BORANG 2

[Subkaedah 3(1)]

AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN 1957

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN
(PENKOMPANAN KESALAHAN) 2019

TAWARAN UNTUK MENKOMPAN KESALAHAN

Apabila menjawab sila nyatakan:

Pejabat: Tempat:

Nombor rujukan: Tarikh:

Kepada :

.....
.....
.....

Tuan/Puan,

Suatu penyiasatan telah dijalankan terhadap anda

.....

(nyatakan nama)

dan anda didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299] dengan butir-butir yang berikut :

(a) Peruntukan yang berkenaan dalam Akta :
.....

(b) Tarikh :

(c) Masa :

(d) Tempat :

(e) Butir-butir kesalahan :
.....
.....

2. Menurut subseksyen 38(2) Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299], anda ditawarkan kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah sebanyak RM (.....ringgit).
3. Jika tawaran di atas diterima, pembayaran boleh dibuat–
 - (a) secara tunai dan diserahkan sendiri ke Jabatan Pendaftaran Negara atau mana-mana cawangan yang ditentukan oleh Pendaftar Besar;
 - (b) melalui kiriman wang/kiriman wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank* yang kena dibayar kepada Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftar dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” dan boleh diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos kepada Pendaftar Besar atau Penguasa Pendaftar ; atau
 - (c) melalui kad kredit atau pemindahan wang secara elektronik.
4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun itu diterima.
5. Tawaran untuk mengkompaun ini sah sehingga
6. Jika tiada pembayaran diterima dalam tempoh yang disebut dalam perenggan 5, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan tanpa notis selanjutnya.

Tarikh :

.....
Pendaftar Besar/Penguasa Pendaftar

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

BORANG 3

[Subkaedah 3(2)]

AKTA PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN 1957

KAEDAH-KAEDAH PENDAFTARAN KELAHIRAN DAN KEMATIAN
(PENGGOMPAUNAN KESALAHAN) 2019

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Kepada :

Pendaftar Besar/Penguasa Pendaftar

Jabatan Pendaftaran Negara

Tuan,

Saya merujuk kepada Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan nombor rujukan bertarikh

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama ini wang tunai/kiriman wang/kiriman wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank* No. bagi jumlah wang sebanyak RM (..... ringgit) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan.

Tandatangan :

Nama (*huruf besar*) :

Nombor Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat:

.....

Tarikh :

**Potong mana-mana yang tidak berkenaan*

Dibuat 5 Mac 2019
[KDN.PP.S.600-1/1/10: PN(PU2)274/VII]

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
Menteri Dalam Negeri

BIRTHS AND DEATHS REGISTRATION ACT 1957

BIRTHS AND DEATHS REGISTRATION (COMPOUNDING OF OFFENCES) RULES 2019

IN exercise of the powers conferred by subsection 38(1) of the Births and Deaths Registration Act 1990 [Act 299], the Minister makes the following rules:

Citation

1. These rules may be cited as the **Births and Deaths Registration (Compounding of Offences) Rules 2019**.

Compoundable offences

2. (1) The offences specified in the First Schedule are prescribed to be compoundable offences.

(2) The offences referred to in subrule (1) may be compounded with the consent in writing of the Public Prosecutor in Form 1 of the Second Schedule.

Offer and acceptance of compound

3. (1) An offer to compound an offence referred to in subrule 2(1) shall be made in Form 2 of the Second Schedule.

(2) A person who accepts an offer to compound an offence referred to in subrule 2(1) shall accept the offer in Form 3 of the Second Schedule.

Method of compounding

4. (1) After an investigation has been conducted and it is found that a compoundable offence has been committed as referred to in subrule 2(1), the Registrar-General or Superintendent-Registrar may issue an offer to compound the offence in Form 2 of the Second Schedule to the person who has committed the offence.

(2) An offer to compound an offence under subrule (1) shall be valid for a period of fourteen days, and if full payment of the sum offered is made within the period of fourteen days, no further proceedings shall be taken against the person referred to in subrule (1).

(3) If no payment of the compound offered is made within the period stated in subrule (2), prosecution may be instituted against the person referred to in subrule (1) without further notice.

Payment of compound

5. (1) If an offer to compound an offence under subrule 4(1) is accepted by the person to whom the offer is made, he may pay the compound—

(a) by cash and delivered personally to the National Registration Department or any branch as determined by the Registrar-General;

(b) by money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft payable to the Registrar-General or Superintendent Registrar and crossed with the words "Account Payee Only"; or

(c) through credit card or an electronic fund transfer.

(2) If the payment is made in accordance with paragraph (1)(b), the money order, postal order, cashier's order, banker's order or bank draft shall be delivered personally to the Registrar-General or Superintendent Registrar or sent by registered post to the address specified in Form 2 of the Second Schedule.

(3) Upon receipt of the payment made in accordance with subrule (1), the Registrar-General or Superintendent Registrar shall issue an official receipt for such payment to the person to whom the offer to compound an offence is made.

(4) An official receipt issued under subrule (3) shall include any electronic receipt if the payment is made through credit card or an electronic fund transfer specified in paragraph (1)(c).

FIRST SCHEDULE

[Subrule 2(1)]

COMPOUNDABLE OFFENCES

The compoundable offences are offences committed under the following provisions of the Act:

1. subsection 28(3);
2. paragraph 34(a);
3. paragraph 34(b);
4. paragraph 35(a);
5. paragraph 35(b);
6. paragraph 35(c);
7. paragraph 35(d);
8. paragraph 35(e); and
9. paragraph 35(f).

SECOND SCHEDULE

[Subrule 2(2)]

FORM 1

BIRTHS AND DEATHS REGISTRATION ACT 1957

BIRTHS AND DEATHS REGISTRATION
(COMPOUNDING OF OFFENCES) RULES 2019

CONSENT TO COMPOUND OFFENCES

IN exercise of the powers conferred by subsection 38(2) of the Births and Deaths Registration Act 1957 [Act 299] and subsection 376(3) of the Criminal Procedure Code [Act 593], I,(name)hereby give consent to compound(name of the person to whom the compound offer is made) for the offences committed under which is said to be done on (date) at (place)

Date.....of.....,20.....

.....

Public Prosecutor/
Deputy Public Prosecutor

FORM 2

[Subrule 3(1)]

BIRTHS AND DEATHS REGISTRATION ACT 1957

BIRTHS AND DEATHS REGISTRATION
(COMPOUNDING OF OFFENCES) RULES 2019

OFFER TO COMPOUND OFFENCES

When replying please quote:

Office : Place :
Reference number : Date :

To :

.....
.....
.....

Sir/Madam,

An investigation has been conducted against you
.....
(state name)

and you are found to have committed an offence under the Births and Deaths
Registration Act 1957 [Act 299] with the following particulars:

- (a) Relevant provisions of the Act :
.....
- (b) Date :
- (c) Time :
- (d) Place :
- (e) Particulars of offence :
.....
.....

2. Pursuant to subsection 38(2) of the Birth and Death Registration Act 1957 [Act 299], you are offered a compound for the offence as stated above for the sum of RM (.....ringgit).

3. If the above offer to compound is accepted, payment may be made—

(a) by cash and delivered personally to the National Registration Department or any branch as determined by the Registrar-General;

(b) by money order/postal order/cashier's order/banker's order/bank draft* made payable to the Registrar-General or Superintendent-Registrar and crossed with the words "Account Payee Only" and may be delivered personally or sent by post to the Registrar-General or Superintendent-Registrar; or

(c) through credit card or an electronic fund transfer.

4. An official receipt shall be issued on receipt payment of the compound.

5. This offer to compound shall be valid until

6. If no payment is received within the period referred to in paragraph 5, prosecution for the offence may be instituted without further notice.

Date :

.....

Registrar-General/
Superintendent-Registrar

**Delete whichever is inapplicable*

FORM 3

[Subrule 3(2)]

BIRTHS AND DEATHS REGISTRATION ACT 1957

BIRTHS AND DEATHS REGISTRATION
(COMPOUNDING OF OFFENCES) RULES 2019

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCES

To :

The Registrar-General/Superintendent-Registrar
National Registration Department

Tuan,

I refer to the Offer to Compound Offences bearing the reference number
..... dated

2. I admit that I have committed this offence and I accept the offer to compound and
enclose herewith cash/money order/postal order/cashier's order/banker's draft*
No. for the sum of RM (..... ringgit) as
full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Offer to Compound Offences.

Signature :

Name (*in capital letter*) :

Identity Card Number :

Designation :

Address:.....
.....

Date :

**Delete whichever is inapplicable*

Made 5 March 2019
[KDN.PP.S.600-1/1/10: PN(PU2)274/VII]

TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
Minister of Home Affairs